

Persepsi Masyarakat Terhadap Program Kelas Pengajian Agama di Masjid dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan

BITARA

Volume 6, Issue 3, 2023: 180-194
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 23 May 2023
Accepted: 26 June 2023
Published: 1 August 2023

[Community's Perception on Religious Classes Program at Mosque in Kota Bharu District, Kelantan]

Ramly Che Hussin & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas^{1*}

1 Open University Malaysia (Open University Malaysia), Kelantan Learning Centre, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan, MALAYSIA.
E-mail: ramlyche@oum.edu.my; ubaidillah@oum.edu.my

*Corresponding Author: ramlyche@oum.edu.my

Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau persepsi masyarakat terhadap program kelas pengajian agama di masjid dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan. Pengajaran dan pembelajaran ilmu agama di institusi masjid telah lama wujud semenjak zaman Baginda Rasulullah SAW dan para sahabat lagi. Malah di era kecemerlangan Islam, institusi masjid terus berkembang sebagai pusat pengajian ilmu-ilmu Islam dan penyebaran ilmu agama. Institusi masjid memainkan peranan penting sebagai pusat perkembangan ilmu agama dan penyebarannya melalui kelas pengajian agama yang diadakan secara berterusan. Persepsi masyarakat yang menganggap kelas pengajian agama di institusi masjid kurang berkualiti perlu diperbetulkan. Keadaan ini berlaku kerana terdapat perbezaan kefahaman dan penerimaan di kalangan masyarakat dan ianya mengalami pasang surut mengikut keadaan umat Islam berdasarkan kepada waktu dan tempat. Seramai 302 orang responden dalam kajian ini yang melibatkan 213 orang responden lelaki dan 89 orang responden perempuan. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kaedah campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Manakala pengumpulan data dan maklumat, kajian ini menggunakan dua cara iaitu kajian perpustakaan dan kajian di lapangan. Data kajian dianalisis melalui SPSS versi 24.0 dan dapatan menunjukkan persepsi masyarakat terhadap program kelas pengajian agama di masjid iaitu di segi pengurusan masjid, kaedah pelaksanaan, tenaga pengajar dan ahli jemaah adalah baik dan memuaskan.

Kata kunci: Persepsi masyarakat, kelas pengajian agama, masjid.

Abstract

This study aims to survey on community's perception on religious classes program at mosque in Kota Bharu district, Kelantan. Teaching and learning of religious knowledge at mosque institution has been existed since the period of Prophet Muhammaad S.A.W and his companion. Even, during the excellence of Islamic era, mosque institution continuously developed as centre of Islamic knowledge studies and religious knowledge extension. Mosque institution plays important role as religious knowledge extension centre and its dissemination through religious classes that are held continuously. Community perception that assumes religious Islamic classes at mosque institutions are of poor quality needs to be corrected. This situation happens because there is an understanding and acceptance difference among the community, and it experiences ups and downs according to the condition of Muslims based on time and place. In this study, there were 302 of total respondents which involves 213 male respondents and 89 female respondents. Methodology of this study were using mixing method of quantitative and qualitative. Meanwhile, for data and information collection, this study was using two methods which were library research and field study. Study data was analysed through

SPSS version 24.0 and its findings show community's perception on religious classes program at mosque, in terms of mosque management, methods of implementation, teaching staff and congregations were good and satisfactory.

Keywords: Community's perception, religious classes, mosque

Cite This Article:

Ramly Che Hussin & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas. (2023). Persepsi Masyarakat Terhadap Program Kelas Pengajian Agama di Masjid dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan [Community's Perception on Religious Classes Program at Mosque in Kota Bharu District, Kelantan]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 180-194.

Pengenalan

Masjid merupakan bangunan khas tempat ibadah bagi umat Islam melakukan solat berjemaah, majlis keagamaan dan kelas pengajian agama secara berterusan. Institusi masjid dan pendidikan Islam merupakan dua komponen yang tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya sentiasa seiring dan sehaluan merentasi perjalanan panjang yang dinamik dalam pendidikan Islam (Suryati, 2021). Justeru itu, proses penyebaran ilmu dan maklumat adalah dipertanggungjawabkan kepada institusi masjid melalui pelbagai cara dan kaedah penyampaian tetapi ianya berubah berdasarkan kepada peredaran zaman dan perkembangan teknologi. Pelbagai ilmu dan maklumat boleh disebarkan melalui institusi masjid bermula daripada ilmu-ilmu agama sehinggalah kepada ilmu-ilmu duniawi ke arah matlamat murni iaitu melahirkan umat Islam yang terpuji di dunia dan akhirat. Pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu Islam di institusi masjid telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat lagi dan Masjid Nabawi al-Munawwarah merupakan masjid pertama menjadi institusi penyebaran ilmu (Norani et al., 2020).

Menurut *Kamus Dewan* (2010), kelas bermaksud perkumpulan untuk mempelajari sesuatu, manakala pengajian pula bererti usaha dan kegiatan membaca al-Quran atau perolehan pelajaran yang mendalam dan terperinci. Secara umumnya kelas pengajian agama adalah membawa maksud pelajaran yang disampaikan secara bersyarah oleh mahaguru atau pensyarah sebagai ucapan membicarakan sesuatu perkara dan mengemukakan fikiran atau idea-idea melalui pengucapan yang disampaikan secara dua hala. Ceramah agama juga boleh didefinisikan sebagai ceramah yang dijalankan untuk menerangkan hal-hal yang berkaitan dengan Islam kepada sekumpulan khalayak di premis tetap seperti masjid dan surau atau premis sementara iaitu padang awam atau stadium sempena acara keagamaan (Alias et al., 2012).

Pengertian masjid pula menurut *Kamus Pelajar* (1988), adalah membawa maksud bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Masjid dari segi bahasa Arab bermaksud *sajada* iaitu tempat bersujud atau tempat menyembah Allah SWT, *yasjudu* pula bererti sedang sujud dan *sujudan* yang membawa makna meletakkan dahi ke bumi (Shawqi, 2004). Menurut al-Qaradawi (1995), masjid sebagai tempat orang berkumpul untuk melaksanakan solat secara berjemaah bagi tujuan memperkukuhkan ikatan silaturrahim di kalangan kaum muslimin.

Manakala dari segi syarak pula, masjid membawa pengertian sebagai tempat permukaan bumi yang digunakan untuk bersujud kepada Allah SWT sebagaimana sabda Baginda

Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud: Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud) Sahih al-Bukhari, Kitab Salat (438).

Sejarah pengajaran dan pembelajaran dalam Islam telah membuktikan bahawa program pengajian agama di masjid mempunyai perhubungan yang rapat dengan pembangunan individu muslim dan komuniti setempat. Institusi masjid telah dinobatkan sebagai salah satu institusi utama untuk penyebaran ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam dan ianya terus bergerak ke hadapan merentasi setiap ceruk rantau negara umat Islam sebagai pusat hentian utama bagi masyarakat Islam (Rashid, 2018).

Menurut Wahyuddin (2017), kewujudan institusi masjid dalam lipatan sejarah Islam telah menunjukkan bahawa fungsinya begitu penting dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan dan telah menjadi suatu kewajipan bagi setiap umat Islam menuntutnya daripada peringkat buaian sehinggalah ke akhir hayat. Oleh sebab itulah, sepanjang kehidupan setiap insan muslim hendaklah menggalas tanggungjawab dan amanah menimba ilmu semaksimalnya bagi tujuan memenuhi tuntutan kehidupan duniawi dan ukhrawi. Tuntutan ilmu ini jelas terpancar daripada turunnya wahyu pertama kepada Baginda Rasulullah SAW dalam surah al-‘Alaq yang telah membuktikan bahawa perintah kepada setiap manusia agar menuntut ilmu. Justeru itulah, dalam perkembangan tradisi Islam hubungan antara kelas pengajian agama dengan institusi masjid tidak boleh dipisahkan. Firman Allah SWT:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تَرْفَعَ وَيُذَكِّرَ فِيهَا أَسْمَاءَ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ۖ ۳٦

Mafhumnya: (Nur hidayat petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang (Surah al-Nur, 24:36).

Ibnu Kathir (2013), telah mentafsirkan ayat tersebut berpandukan kepada pandangan Ibnu Abbas r.a menegaskan bahawa Allah SWT telah menegah sebarang perbuatan yang sia-sia dilakukan dalam institusi masjid. Oleh yang demikian, instiusi masjid hendaklah dimakmurkan dengan program dan aktiviti yang sentiasa mengingatkan manusia terhadap penciptaNya sama ada melalui program kelas pengajian agama dan sebarang aktiviti ibadah lain dari masa ke semasa. Menurut Borham et al. (2020), institusi masjid telah berperanan sebagai pusat penyebaran ilmu yang berkaitan dengan al-Quran, al-hadis dan hukum hakam sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Baginda Rasulullah SAW di Masjid Nabawi al-Munawwarah. Firman Allah SWT: Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah (Surah al-Jin, 72:18).

Latar Belakang Kajian

Peranan institusi masjid sebagai pusat pengajian ilmu-ilmu Islam sememangnya tidak boleh disangkal sejak zaman Baginda Rasulullah SAW lagi terus berkembang ke masjid-masjid

seluruh dunia sebagai sebuah pusat pendidikan. Masjid al-Nabawi adalah merupakan institusi pertama yang melaksanakan penyebaran ilmu secara formal untuk orang Islam. Rasulullah SAW duduk bersila di dalam masjid dan dikelilingi oleh para sahabat bagi tujuan untuk mendengar dan menghayati bacaan ayat-ayat al-Quran yang dikumandangkan dan mereka dibenarkan untuk mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan dengan hal ehwal umat Islam mengenai perkara yang berkaitan dengan hukum hakam, akidah dan sebagainya (Ab Rahim et al., 2020). Malah kehebatan pendidikan pada zaman Rasulullah SAW ini telah diwarisi dan diperkembangkan pula oleh para sahabat mengikut kecekapan, kewibawaan dan kreativiti pemerintahan masing-masing. Kesannya, kelas pengajian agama di institusi masjid terus berkembang pesat dan semakin meluas pada zaman pemerintahan era khalifah al-Rashidin. Institusi pendidikan ilmu telah tumbuh membiak dengan suburnya terutamanya di bandar-bandar besar seperti Madinah, Mekah, Basrah, Kufah, Damshik, Palestin dan lain-lain. Pada zaman pemerintahan khalifah al-Makmun, institusi masjid telah dijadikan sebagai pusat pengajian undang-undang, terhimpunnya koleksi kitab-kitab yang kemudiannya terbentuklah sekolah dan perpustakaan (Nunzairina, 2020). Malah Universiti al-Azhar, Mesir yang asalnya merupakan sebuah bangunan masjid (Jamiul Azhar) yang dianggap sebagai universiti tertua di dunia telah berjaya melahirkan ribuan graduan dalam pelbagai bidang. Perkembangan kelas pengajian agama di institusi masjid telah berjaya menjelmakan golongan cendekiawan dan intelektual yang akan menyumbang kepada kehidupan yang baik terhadap masyarakat yang bertamadun dan madani (Yahya, 2014).

Walau bagaimanapun, faktor penjajahan British di Tanah Melayu pada abad yang ke 19 masihi telah mengubah segalanya khasnya dari segi penyebaran ilmu dan juga pendidikan. Pihak penjajah British telah memperkenalkan sistem pendidikan dualisma iaitu sistem pendidikan Islam yang diwarisi dari turun temurun lagi dan sistem moden yang berasaskan kurikulum barat. Malah keadaan ini terus berubah secara perlahan-lahan bilamana institusi sekolah dan madrasah telah muncul mengambil alih peranan dan fungsi masjid sebagai pusat pendidikan dalam masyarakat Islam (Mulyono, 2017). Manakala model pembelajaran secara halaqah sudah mula dilupakan dan digantikan dengan model pembelajaran moden telah dipraktikkan secara meluas. Kesannya institusi masjid sebagai pusat pendidikan telah mula ditinggalkan dan secara tidak langsungnya peranannya semakin mengecil dan menguncup membawa petanda bahawa masyarakat Islam juga semakin kurang bermaya (Hamid, 2018).

Secara umumnya kualiti kehidupan masyarakat muslim sekitarnya masih tidak banyak mengalami perubahan di segi sikap dan tingkah laku serta masih berada di takuk lama. Ini terbukti ilmu agama yang diajar melalui kelas pengajian agama di masjid kurang berkesan ke arah menyemai ciri-ciri keislaman dalam diri individu, keluarga, masyarakat dan negara (Mohd Noor, 2012). Institusi masjid telah menyediakan banyak program dan aktiviti keilmuan, ceramah dan forum agama merangkumi pelbagai bidang seperti feqah, tafsir, hadis, akidah, akhlak, tasawuf dan sebagainya untuk menarik minat dan komitmen masyarakat agar hadir mengikuti kelas pengajian agama di masjid terutamanya di kawasan luar bandar (Ashaari, 2018).

Permasalahan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk merungkai dan memperbetulkan persepsi atau tanggapan masyarakat bahawa pelaksanaan kelas pengajian agama di institusi masjid kurang berkesan dan tidak memuaskan. Kebanyakan mereka beranggapan bahawa kelas pengajian agama di masjid adalah kurang bermutu jika dibandingkan dengan program ilmu di lain-lain institusi dan proses pelaksanaannya pula tidak ditadbir urus dengan baik dan sistematik. Kesannya timbul rungutan dan keluhan di kalangan komuniti dan ahli jemaah institusi masjid dan surau mengenai sambutan dan komitmen masyarakat terhadap kelas pengajian agama di masjid kurang memuaskan yang hanya melibatkan sebilangan kecil ahli jemaah sahaja (Aini et al., (2015).

Mokhtar (2017), telah membuktikan bahawa kecenderungan dan komitmen masyarakat mengasingkan diri dari menghadiri kelas pengajian agama di masjid sememangnya berlaku walaupun sambutannya berbeza-beza berdasarkan sesuatu tempat dan keadaan. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah menyokong kenyataan ini dengan menyatakan kelas pengajian agama iaitu kelas pengajian akidah dalam pengajian takmir di masjid-masjid di negeri Kelantan juga adalah kurang memberangsangkan (Zubir et al., 2018). Manakala kos perbelanjaan khasnya untuk membayar sugu hati kepada para penceramah semakin meningkat.

Sehubungan dengan itu, beberapa persoalan dan ketidakpuasan hati di kalangan ahli jemaah tentang sejauhmanakah komitmen dan kesungguhan masyarakat terhadap kelas pengajian agama dan apakah kaedah penyampaian para penceramah berkesan untuk menarik minat ahli kariah terutamanya golongan remaja. Sebilangan kecil ahli jemaah termasuk golongan dewasa dan warga emas menghabiskan masa dengan menonton televisyen atau berada di kedai-kedai kopi berhampiran sambil bersembang sementara menunggu masuknya waktu solat seterusnya. Berdasarkan kajian Rahman et al. (2018), masjid-masjid yang baru dibina semakin cantik tersergam indah bagaikan istana tetapi agenda pengisian ilmu dan kelas pengajian agama kurang mendapat sambutan. Sabda Baginda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik bermaksud: Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah manusia bermegah-megah, berbangga-bangga dengan masjid masing-masing iaitu bermaksud setiap orang berbangga dengan masjidnya sambil mengeluarkan kata-kata masjid aku lebih tinggi, lebih berhias dan lebih bagus. Semua kata-kata ini terbitnya dari angkara riak, mencari nama dan mahukan pujian (Sunan Abi Dawud, Kitab Al-Salat (449).

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan objektif berikut, meninjau sejauhmanakah persepsi masyarakat terhadap perjalanan kelas pengajian agama di masjid dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk melihat sejauhmanakah peranan instiusi masjid dari aspek perkembangan ilmu melalui program kelas pengajian agama dan pendidikan kepada

masyarakat Islam. Kajian ini juga boleh mengisi ruang kelompangan ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat sama ada ilmu duniawi dan ukhrawi melalui kelas pengajian agama di institusi masjid dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan. Program kelas pengajian ini juga akan membantu melahirkan masyarakat celik ilmu agama, bertakwa, berakhlak mulia, beramal soleh dan berintegriti ke arah mewujudkan modal insan madani.

Kajian ini juga dapat menyumbang penambahbaikan terhadap keberkesanan program kelas pengajian agama secara menyeluruh dan bersistematik dalam usaha untuk memperkasakan kualiti pengajaran dan pembelajaran kelas pengajian agama di institusi masjid. Seterusnya kajian ini boleh dijadikan sebagai pedoman dan garis panduan untuk membantu pihak pengurusan dan pentadbiran masjid mengatasi segala kelemahan dan kekurangan dari aspek pelaksanaannya. Malah hasil keberkesanan kelas pengajian agama boleh digunakan sebagai benteng dan pendinding kepada masyarakat setempat khususnya kepada golongan remaja dari terjebak dengan gejala sosial seperti pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah, zina, pembuangan bayi, minum arak, rasuah dan sebagainya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sebagai metodologi utama dan disokong oleh kaedah kualitatif sebagai metodologi kedua dalam proses pengumpulan data di lapangan untuk menyelesaikan permasalahan persepsi dan salah tanggapan masyarakat terhadap program kelas pengajian agama di institusi masjid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara rentasan (cross sectional survey) untuk menerangkan sesuatu keadaan yang terjadi semasa kajian sedang dilaksanakan.

Menurut Sidek Noah (2002), menjelaskan reka bentuk deskriptif kebiasaannya dilakukan adalah bertujuan untuk penerangan yang bersistematik mengenai fakta dan ciri-ciri populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Dalam teori penyelidikan, jumlah yang besar adalah lebih baik dan lebih meyakinkan terhadap dapatan hasil kajian serta boleh mengurangkan ralat persampelan. Oleh kerana kajian ini melibatkan populasi yang agak besar iaitu semua ahli jemaah masjid-masjid dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan dan perlu disiapkan dalam tempoh waktu yang tertentu bagi mencari penyelesaian iaitu persepsi masyarakat terhadap kelas pengajian agama di institusi masjid.

Dapatan Kajian

Soalan soal selidik kajian ini terbahagi kepada dua bahagian:

1. Bahagian A (Demografi) – jantina, umur, tempat tinggal, pekerjaan, pendapatan, pendidikan dan taraf perkahwinan.
2. Bahagian B – (persepsi masyarakat) – pengurusan masjid, kaedah pelaksanaan kelas pengajian agama dan tenaga pengajar.

Bahagian A

Jadual 1. Jantina

| Kategori | Kekerapan | Peratus |
|-----------|-----------|---------|
| Lelaki | 213 | 70.5 |
| Perempuan | 89 | 29.5 |
| Jumlah | 302 | 100.0 |

Kajian ini melibatkan seramai 302 orang responden yang terbahagi kepada 213 responden lelaki dan 89 responden perempuan.

Jadual 2. Umur

| Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------|-----------|---------|
| 15 hingga 25 tahun | 15 | 4.9 |
| 26 hingga 36 tahun | 42 | 13.9 |
| 37 hingga 37 tahun | 34 | 11.3 |
| 48 tahun ke atas | 211 | 69.9 |
| Jumlah | 302 | 100.0 |

Kategori umur responden dapat dipecahkan kepada umur antara 15 – 25 tahun, seramai 15 orang, 26 – 36 tahun seramai 42 orang, 37 – 47 tahun seramai 34 orang dan umur 48 tahun ke atas adalah seramai 211 orang. Jumlah keseluruhan responden ialah seramai 302 orang.

Jadual 3. Lokasi Tempat Tinggal.

| Kategori | Kekerapan | Peratus |
|-----------------|-----------|---------|
| Bandar | 63 | 20.9 |
| Taman perumahan | 33 | 10.9 |
| Kampung | 201 | 66.6 |
| Lain-lain | 5 | 1.6 |
| Jumlah | 302 | 100.0 |

Data menunjukkan seramai 63 orang responden di bandar, 33 responden berada di taman perumahan, seramai 201 responden di kawasan kampung dan 5 orang sahaja berada di lain-lain penempatan.

Jadual 4. Status Pekerjaan.

| Kategori | Kekerapan | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Kakitangan kerajaan | 71 | 23.5 |
| Kakitangan swasta | 34 | 11.3 |
| Kerja sendiri | 74 | 24.5 |
| Lain-lain | 123 | 40.7 |
| Jumlah | 302 | 100.0 |

Data menunjukkan seramai 71 orang responden adalah kakitangan kerajaan, 34 orang responden kakitangan swasta, 74 orang responden berkerja sendiri dan seramai 123 responden adalah bekerja di lain-lain bidang.

Jadual 5. Pendapatan

| Kategori | Kekerapan | peratus |
|-----------------|-----------|---------|
| RM1000 ke bawah | 86 | 28.5 |
| RM1001 – RM3000 | 117 | 38.7 |
| RM3001 – RM5000 | 49 | 16.2 |
| RM5001 ke atas | 50 | 16.6 |
| Jumlah | 302 | 100.0 |

Kajian menunjukkan seramai 86 orang responden berpendapatan RM1000.00 dan ke bawah, seramai 117 orang responden antara RM1001.00 hingga RM3000.00, seramai 49 orang responden antara RM3001.00 hingga RM5000.00 dan seramai 50 orang responden melebihi RM5001.00 dan ke atas.

Jadual 6. Pendidikan

| Kategori | Kekerapan | Peratus |
|-------------------|-----------|---------|
| Ijazah | 76 | 25.2 |
| Diploma/STPM/STAM | 73 | 24.2 |
| SPM | 112 | 37.0 |
| Lain-lain | 41 | 13.6 |
| Jumlah | 302 | 100.0 |

Kajian menunjukkan responden yang memiliki ijazah ialah seramai 76 orang, diploma/STPM/STAM adalah seramai 73 orang, SPM seramai 112 orang dan lain-lain kelayakan ialah seramai 41 orang responden.

Jadual 7 Status Perkahwinan

| Kategori | Kekerapan | Peratus |
|-----------|-----------|---------|
| Berkahwin | 247 | 81.8 |
| Bujang | 40 | 13.2 |
| Duda | 6 | 2.0 |
| Janda | 9 | 3.0 |
| Jumlah | 302 | 100.0 |

Kajian menunjukkan responden yang telah berkahwin seramai 247 orang, bujang seramai 40 orang, duda seramai 6 orang dan janda seramai 9 orang sahaja.

Bahagian B: (Persepsi ahli jemaah terhadap pengurusan kelas pengajian agama di masjid).

Jadual 8 Peratus persepsi responden terhadap pengurusan kelas pengajian agama di masjid.

| Bil | Perkara | Sangat Tidak Setuju (%) | Tidak Setuju (%) | Kurang Setuju (%) | Setuju (%) | Sangat Setuju (%) |
|-----|-------------------------------------|-------------------------|------------------|-------------------|------------|-------------------|
| B1 | Ditadbir dengan baik dan teratur | 0.7 | 0.3 | 5.3 | 52.0 | 41.7 |
| B2 | Mampu tarik ahli jemaah | 1.3 | 0.3 | 12.3 | 54.3 | 31.8 |
| B3 | Mampu tarik golongan remaja | 2.6 | 6.0 | 27.0 | 38.6 | 25.8 |
| B4 | Biasanya fardhu ain & kifayah | - | 2.6 | 7.9 | 52.4 | 37.1 |
| B5 | Hebahan & iklan yang kreatif | 0.7 | 3.0 | 16.6 | 47.3 | 32.4 |
| B6 | Mampu tangani masalah semasa | 2.0 | 3.3 | 16.9 | 52.3 | 25.5 |
| B7 | Sediakan makan minum selepas kelas | 2.0 | 8.2 | 20.9 | 43.7 | 25.2 |
| B8 | Segera baiki kerosakan alat siaraya | 0.7 | 2.6 | 6.3 | 47.0 | 43.4 |

Berdasarkan jadual 8 di atas, D1 menunjukkan bahawa sejumlah 52.0% responden bersetuju kelas pengajian agama ditadbir urus dengan baik dan teratur oleh pihak masjid dan 41.7% responden sangat setuju. Dapatan kajian ini membuktikan pihak pengurusan masjid berjaya mengendalikan kelas pengajian agama di institusi masjid dengan baik dan teratur.

Manakala D2 iaitu aktiviti kelas pengajian agama mampu menarik kehadiran ahli jemaah, iaitu sebanyak 54.3% responden setuju dan disokong sejumlah 31.8% orang responden menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan program kelas pengajian agama di masjid berjaya menarik kehadiran ahli jemaah mengikutnya. Seterusnya B3 juga berjaya menarik minat dan kehadiran golongan belia dan remaja iaitu 38.6% responden setuju dan disokong sebanyak 25.8% responden yang sangat setuju. Ini membuktikan program kelas pengajian agama juga berjaya menarik penyertaan golongan remaja. Manakala B4 pula menunjukkan sejumlah 54.2% responden setuju bahawa kelas pengajian agama di masjid kebanyakannya tentang ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah dan sebanyak 37.1% responden pula sangat setuju. Dapatan ini membuktikan bahawa kelas pengajian agama di masjid mengutamakan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah selain bidang-bidang lain.

Seterusnya B5, menunjukkan sebanyak 47.3 % responden setuju kaedah hebahan dan pengiklanan yang kreatif mampu mewujudkan keinginan ahli jemaah untuk hadir mengikuti kelas pengajian agama di masjid. Sejumlah 32.4% responden menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa kaedah hebahan dan pengiklanan yang meluas mampu menarik kehadiran ahli jemaah untuk hadir ke masjid. Manakala B6 pula menunjukkan sebanyak 52.3% orang responden setuju bahawa kelas pengajian agama di masjid berjaya menangani isu dan permasalahan dalam kalangan masyarakat setempat. Sejumlah 25.5% responden pula menyatakan sangat setuju. Kajian ini membuktikan keberkesanan kelas pengajian agama di masjid mampu menyelesaikan isu dan masalah di kalangan ahli kariah. B7 pula menunjukkan sebanyak 43.7% responden setuju bahawa pihak pengurusan masjid telah menyediakan makan minum selepas selesai kelas pengajian agama. Sejumlah 25.2% menyatakan sangat setuju dan 20.9 % responden kurang setuju. Ini menunjukkan terdapat institusi masjid yang kurang berkemampuan menyediakan makan minum kepada ahli jemaah terutamanya masjid di kawasan kampung atau luar bandar. Seterusnya B8 menunjukkan sejumlah 47.0% responden setuju bahawa pihak pengurusan sentiasa peka dengan sebarang kerosakan alatan siaraya masjid dan sebanyak 43.4% menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa sebarang kerosakan alatan siaraya masjid segera diambil tindakan membaikinya oleh pihak pengurusan masjid.

Jadual 9 Peratus persepsi responden terhadap kaedah pelaksanaan kelas pengajian agama.

| Bil | Perkara | Sangat Tidak Setuju (%) | Tidak Setuju (%) | Kurang Setuju (%) | Setuju (%) | Sangat Setuju (%) |
|-----|---------------------------------------|-------------------------|------------------|-------------------|------------|-------------------|
| B9 | Dirancang dengan baik dan berkesan | - | 2.6 | 9.6 | 54.0 | 33.8 |
| B10 | Mengikut jadual yang telah ditetapkan | 0.3 | 0.7 | 3.0 | 54.3 | 41.7 |
| B11 | Diskusi ilmu dan forum kerap diadakan | 4.0 | 6.0 | 17.5 | 51.3 | 21.2 |
| B12 | Kuliah maghrib diadakan setiap malam | 0.3 | 1.0 | 3.0 | 42.7 | 53.0 |
| B13 | Kuliah subuh diadakan hujung minggu | 3.3 | 3.3 | 10.9 | 41.4 | 41.1 |

| | | | | | | |
|-----|---|-----|-----|------|------|------|
| B14 | Kelas untuk muslimat diadakan sekali seminggu | 3.3 | 4.3 | 11.9 | 42.7 | 37.8 |
| B15 | Hebahan secara meluas dan menyeluruh | 1.3 | 2.6 | 16.7 | 49.3 | 30.1 |
| B16 | Ceramah hari Kebesaran Islam dapat sambutan | 1.0 | 1.3 | 10.6 | 46.4 | 40.7 |

Berdasarkan jadual 9 di atas, B9 menunjukkan sebanyak 54.0% responden setuju bahawa kelas pengajian agama dirancang dengan baik dan berkesan dan sejumlah 33.8% menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa majoriti responden bersetuju kelas pengajian agama dirancang dan dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Manakala B10 pula menunjukkan sejumlah 54.3% responden setuju bahawa kelas pengajian agama dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan sebanyak 41.7% menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa perjalanan kelas pengajian agama adalah sebagaimana tertera di jadual. Seterusnya B11 menunjukkan sejumlah 51.3% responden setuju bahawa program diskusi ilmu dan forum agama kerap diadakan dan disokong oleh sejumlah 21.2% responden menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa program diskusi ilmu dan forum agama sering kali diadakan dari masa ke semasa. B12 pula menunjukkan bahawa sejumlah 53.0 % responden sangat setuju bahawa kuliah maghrib diadakan pada setiap malam dan disokong oleh sebanyak 42.7% responden menyatakan setuju. Ini membuktikan bahawa kuliah maghrib diadakan pada setiap malam.

Seterusnya B13 menunjukkan sebanyak 41.4% responden setuju bahawa program kuliah subuh diadakan pada hujung minggu sahaja dan disokong oleh sejumlah 41.1% responden menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa memang kuliah subuh diadakan pada hujung minggu. B14 pula menunjukkan sejumlah 42.7% responden setuju bahawa kelas pengajian agama khas untuk golongan muslimat diadakan hanya seminggu sekali dan disokongkan oleh sebanyak 37.8% responden menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa kelas pengajian agama untuk golongan wanita diadakan seminggu sekali. B15 menunjukkan sejumlah 49.1% responden setuju bahawa hebahan program kelas pengajian agama disebarikan secara meluas dan menyeluruh dan disokong oleh sebanyak 30.1% responden menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa hebahan kelas pengajian agama di masjid dibuat secara meluas dan menyeluruh. Manakala B16 menunjukkan sebanyak 46.4% responden setuju bahawa program ceramah sempena hari kebesaran Islam mendapat sambutan yang menggalakkan dan disokong oleh sejumlah 40.7% responden yang menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa program ceramah agama sempena hari Kebesaran Islam telah mendapat sambutan yang memberangsangkan.

Jadual 10 Peratus persepsi responden terhadap tenaga pengajar

| Bil | Perkara | Sangat Tidak Setuju(%) | Tidak Setuju (%) | Kurang Setuju (%) | Setuju (%) | Sangat Setuju (%) |
|-----|--|------------------------------|------------------------|-------------------------|---------------|-------------------------|
| B17 | Penyampaian jelas dan mudah difahami | 0.3 | 1.3 | 7.3 | 54.3 | 36.8 |
| B18 | Mampu berkomunikasi dengan baik dan berkesan | - | 1.3 | 10.3 | 50.7 | 37.7 |
| B19 | Menggunakan alat bantuan mengajar | 4.6 | 9.3 | 25.5 | 42.0 | 18.9 |
| B20 | Gaya persembahan disukai oleh ahli jemaah | - | 1.3 | 14.2 | 55.0 | 29.5 |
| B21 | Ada sesi pertanyaan dan soal jawab | 1.0 | 2.0 | 16.9 | 44.3 | 35.8 |

Berdasarkan rajah 10 menunjukkan bahawa sejumlah 54.3% responden setuju bahawa penceramah telah berjaya menyampaikan ilmu dengan jelas dan mudah difahami dan disokong oleh sebanyak 36.8% responden menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan tenaga pengajar mampu menyampaikan ceramah dengan jelas dan difahami. Manakala B18 pula menunjukkan sebanyak 50.7% responden setuju bahawa penceramah mampu berkomunikasi dengan baik dan berkesan dan disokong oleh sejumlah 37.7% responden menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa tenaga pengajar boleh berkomunikasi dengan baik dan berkesan. Seterusnya B19 menunjukkan sebanyak 42.0% responden setuju penceramah mampu menggunakan alat bantuan mengajar seperti laptop, LCD dan sebagainya dan disokong oleh sejumlah 18.9% responden menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa tenaga pengajar telah menggunakan alat bantuan mengajar semasa menyampaikan ceramah. B12 pula menunjukkan sejumlah 55.0% responden setuju gaya persembahan penceramah disukai oleh ahli jemaah dan disokong oleh sebanyak 29.8% responden sangat setuju. Ini membuktikan bahawa cara penyampaian tenaga pengajar disukai oleh ahli jemaah. Manakala B21 menunjukkan sebanyak 44.3% responden setuju bahawa penceramah membuka peluang untuk sesi pertanyaan dan soal jawab dan disokong oleh sejumlah 35.8% responden menyatakan sangat setuju. Ini membuktikan bahawa tenaga pengajar sememangnya memberi peluang untuk bertanya.

Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian, penambahbaikan menyeluruh perlu dilaksanakan terhadap pelaksanaan kelas pengajian agama di masjid secara teratur dan bersistematik. Pihak pengurusan hendaklah memperkemaskan perancangan dan pengendaliannya dengan membuat pendaftaran kepada ahli jemaah yang berminat, susun kedudukan semasa belajar, masing-masing ada kitab dan buku catatan serta catat kehadiran. Malah program kelas pengajian seumpama ini harus diperluaskan kepada golongan remaja dengan mengadakan kelas pengajian

tersebut sekurang-kurang sebulan sekali. Fokus pembelajaran meliputi seperti kursus kepimpinan, kursus imam muda, bengkel tilawah dan hafazan al-Quran, tajwid dan tarannum, kursus perkahwinan, kursus penyembelihan dan sebagainya. Begitu juga, kelas pengajian agama untuk golongan Muslimat juga perlu diaktifkan dengan memperbanyakkan lagi kelas khas untuk mereka sekurang-kurangnya dua atau tiga kali seminggu. Kekekapan kelas pengajian agama ini adalah relevan memandangkan golongan wanita dan remaja merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang sama-sama terlibat dalam proses pembelajaran ilmu di masjid. Hebahan program kelas pengajian agama melalui media sosial perlu diperkasakan melalui pelbagai saluran seperti *Whatsapp, Instagram, Facebook, Telegram* dan sebagainya sebagai pemberitahuan kepada semua ahli kariah.

Tenaga pengajar juga perlu bijak dan kreatif melalui kaedah pengajaran yang berkesan, berkomunikasi dengan baik dan cara penyampaian yang jelas agar mudah difahami oleh ahli jemaah. Selain itu, penceramah juga perlu menggunakan alat bantuan mengajar semasa menyampaikan ceramahnya bagi tujuan meningkatkan kefahaman dan penguasaan ilmu kepada hadirin yang mengikuti kelas pengajian tersebut. Lebih menarik lagi sekiranya para ibubapa membawa bersama-sama anak remaja dan anak-anak kecil ke masjid bagi memeriahkan lagi kelas pengajian agama di masjid. Oleh itu, pihak pengurusan, AJK dan masyarakat hendaklah berlapang dada dan murnikan fikiran menerima golongan kanak-kanak ini seadanya untuk mengimarahkan institusi masjid. Pihak pengurusan juga sepatutnya menyediakan garis panduan dan peraturan mengenai tatacara teguran dan bimbingan terhadap golongan kanak-kanak agar setiap teguran dan sindiran tidak menyinggung perasaan ibubapanya.

Kesimpulan

Institusi masjid perlu tampil dengan imej yang baik dan cemerlang serta mampu menarik semua lapisan masyarakat agar sentiasa dekat di hati dan bersemangat untuk intiqamah mengikuti kelas pengajian agama secara berterusan. Semua pihak yang terlibat terutamanya para pentadbir masjid perlulah berusaha memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan yang ada. Seterusnya merangka serta merancang penambahbaikan yang berkesan bagi memperkasakan kelas pengajian agama di masjid agar setanding dengan institusi-institusi agama lain. Program kelas pengajian agama di masjid juga telah berjaya meningkatkan ilmu pengetahuan dan amalan seharian ahli jemaah seperti fardhu ain, fardhu kifayah, rukun iman, rukun Islam, puasa sunat, gemar membaca al-Quran, bersedekah dan sebagainya untuk melahirkan sebuah masyarakat madani dan celik ilmu.

Rujukan

Ab Rahim, A., & Nor, M. R. M. (2020). Institusi Pengajian Pondok di Selangor: Kajian Terhadap Sejarah dan Perkembangan: Institusi Pengajian Pondok di Selangor: Kajian Terhadap Sejarah dan Perkembangan. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(2), 1-12.

- Aini, Z. B., & Yahaya, N. D. (2015). Pengimarahen Masjid Berdasarkan Proses-Proses Pengurusan Islam. In *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pementapan Ummah 7*: 1-7.
- Alias, M., Zakaria, S. N., Ayub, A., Shamsudin, F., Ismail, A. R & Mansur, M. (2012). *Siri Pendidikan Guru Bahasa Melayu Kontekstual*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ashaari, M. F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid Tentang Kehadiran Masyarakat ke Masjid. *Jurnal hadhari*, 10(2), 205-223.
- Borham, A. H., Abdul Rahim, M. O. H. A. M. A. D., Abdullah, W. H., & Don, A. G. (2020). Penerimaan Pengajian Takmir di Institusi Masjid Sebagai Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bagi Pengukuhan Kefahaman Islam Dalam Masyarakat Muslim. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 42(2).
- Hamid, M. A. A. (2018). *Angka-Angka Yang Menakutkan*. Artikel Akhbar Sinar Harian, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Ibn Kathīr & Ismail bin ‘Umar, A. F. ‘. (2013). Shahih Tafsir Ibnu Katsir, terj. *Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.*
- Kamus Dewan*. (2010). Edisi Keempat. *Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.*
- Kamus Pelajar*. Bahasa Malaysia. (1988). *Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur*
- Mohd Noor, F. N. (2012). *Program Pembangunan Insan Dalam Kalangan Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT): Masalah dan Penyelesaian/Fatimah Nadirah binti Mohd Noor* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mokhtar, F. B. (2017). *Kecenderungan Masyarakat Islam Menjauhi Institusi Masjid di Malaysia* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Mulyono, M. (2017). Rekonstruksi Peran dan Fungsi Masjid Sebagai Pusat Kegiatan Pendidikan Islam. *Muaddib: Studi Kependidikan Dan Keislaman*, 7(01), 13-32.
- Norani, M. N. M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka [Analysis of Religious Studies Activities in institutions Mosques of Malacca]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(1), 119-129.
- Nunzairina, N. (2020). Dinasti Abbasiyah: Kemajuan Peradaban Islam, Pendidikan, dan Kebangkitan Kaum Intelektual. *JUSPI (Jurnal Sejarah Peradaban Islam)*, 3(2), 93-103.
- Rahman, A. A., Abbas, R. (2018). Moden, P. B., & Kemanusiaan, S. Persepsi Masyarakat Terhadap Program Pengimarahen Masjid di Negeri Pahang: Satu Analisis.
- Rashid, R. (2018). *Pembelajaran Sepanjang Hayat di Institusi Masjid*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Shawqi, D. (2004). *Al-Mu’jam al-Wasit. Egypt: Mujamma’al-Lughah al-‘Arabiyyah wa Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.*
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Rekabentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori & Praktis. Selangor: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.*
- Suryawati, E. (2021). Pemberdayaan Masjid Sebagai Pusat Pendidikan Islam. *Al-Rabwah*, 15(02), 60-69.

- al-Qaradawi, Y. (1995). *al-'Ibadah fi al-Islam*. Maktabah Wahbah.
- Wahyuddin, W. (2016). Pendidikan Sepanjang Hayat Menurut Perspektif Islam: Kajian Tafsir Tarbawi. *Saintifika Islamica: Jurnal Kajian Keislaman*, 3(02), 191-208.
- Yahya, A. (2014). *Sejarah Yang Digelapkan. Agungnya Tamadun Islam*. Kemilau Rublika Sdn. Bhd.
- Zubir, A. (2018). Faktor Sambutan Masyarakat Islam Terhadap Kelas Takmir Akidah di Masjid Negeri Kelantan. *Malaysian Journal for Islamic Studies, Jilid, 2*, 2018.